

19 JAN 1998

DR MAHATHIR LAWAT SABAH 19 FEBRUARI

KOTA KINABALU, 19 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat Sabah selama dua hari bermula 19 Februari depan.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat berkata di sini Perdana Menteri akan merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) negeri di sini pada 20 Februari.

"Dr Mahathir juga akan menghadiri beberapa majlis termasuk merasmikan sebuah kilang besi semasa lawatan beliau itu," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri mesyuarat BN Negeri di pejabat gerakan BN Negeri di Dataran Putatan dekat sini.

Mohamed yang juga setiausaha agung BN berkata Perdana Menteri juga akan mengadakan majlis sambutan bersama Hari Raya dan Tahun Baru Cina di sini pada lawatannya itu. --BERNAMA

kg WAT